

DATE: 01 / 09 / 2007

Stadium Merdeka kembali kepada rupa bentuk asal

KUALA LUMPUR, 31 Ogos - Stadium Merdeka yang telah berusia 50 tahun kini kembali kepada rupa bentuk asalnya selepas kerja-kerja memulihara stadium itu, yang dimulakan pada Mac tahun ini, siap.

Kebanyakan kerja-kerja membaik pulih, yang sempat disiapkan sebelum negara menyambut ulang tahun kemerdekaannya yang ke-50 hari ini, telah mengembalikan sebahagian besar daripada stadium itu kepada rupa bentuk asalnya, terutamanya bahagian pentas utama dan keupayaannya menampung seramai 20,000 penonton.

Kerja-kerja membaik pulih stadium itu dijalankan dengan penuh minat oleh mereka yang terlibat dengan pemuliharaan bangunan warisan manakala arkitek dan kontraktor yang dilantik untuk menjalankan kerja-kerja itu telah berusaha bersungguh-sungguh untuk memulihkannya kepada rupa bentuk asalnya.

"Saya memperoleh kepuasan kerana dapat menyiapkan kerja-kerja ini dalam masa yang ditetapkan. Walaupun tidak 100 peratus siap, tetapi saya menganggapnya sebagai hampir sempurna kerana kami sempat menyiapkannya sebelum kita menyambut ulang ta-

hun Merdeka," kata arkitek yang diberi tanggungjawab untuk memulihara Stadium Merdeka, Laurence Loh.

Apa yang membuatkan beliau lebih berpuas hati ialah hakikat bahawa stadium itu boleh dikembalikan kepada rupa bentuk asalnya supaya orang ramai boleh melihat bagaimana rupanya stadium itu 50 tahun dahulu. Stadium Merdeka telah menyaksikan peristiwa paling penting dalam sejarah negara - perisytiharan kemerdekaan oleh Bapa Kemerdekaan Negara, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, yang juga Perdana Menteri Malaysia pertama.

Peristiwa penyerahan kuasa pemerintahan negara daripada Kerajaan British kepada kerajaan baru negara yang baru merdeka ini, yang dipimpin oleh Tunku Abdul Rahman.

Menurut Loh, pada 1957, beribu-ribu rakyat jelata memenuhi stadium itu yang dibina khusus untuk upacara perisytiharan Merdeka dan malam ini, beribu-ribu rakyat juga akan menghadiri acara sambutan di stadium itu bagi mengenang kembali peristiwa yang berlaku 50 tahun dahulu di tempat yang sama.

Stadium yang penting ke-

U.M. - 1/9/2007
pada sejarah Malaysia itu hampir dirobohkan pada satu ketika dahulu, namun ia diselamatkan oleh krisis kewangan yang berlaku ketika itu dan usaha-usaha yang dilakukan orang ramai dan para pencinta warisan yang mahu bangunan itu dikekalkan untuk generasi akan datang.

Bangunan itu dan tanahnya telah diserahkan kepada sebuah syarikat swasta untuk pembinaan pusat hiburan dan kompleks bangunan pejabat sebagai tukaran kepada pembinaan tujuh buah stadium lain di pelbagai lokasi.

Pada 1994, United Engineers Malaysia Bhd (UEM) telah diberikan hak untuk merobohkan dua stadium di situ dan membangunkan kawasan itu dengan projek pembangunan Plaza Merdeka yang bernilai lebih RM1 bilion.

Projek itu yang meliputi pembinaan blok pejabat, kompleks perniagaan runcit, pusat beli-belah dan pusat hiburan, kondominium serta kemudahan rehat dan rekreasi seperti sebuah taman dan sebuah *amfiteater* untuk acara kebudayaan dan sosial yang boleh memuatkan 8,000 penonton di tapak seluas 13 hektar.

Stadium Merdeka, bersama-sama Stadium Negara yang berbumbung dan Changkat

Pavilion telah diserahkan kepada UEM sebagai tukaran kepada pembinaan Kompleks Sukan Negara bernilai RM800 juta di Bukit Jalil untuk kegunaan Sukan Komanwel pada 1998.

Bagaimanapun, UEM terpaksa menanggung rancangannya untuk membangunkan semula kawasan itu disebabkan kemelesetan ekonomi.

Tapak itu kemudian diambil alih oleh Permodalan Nasional Bhd (PNB) menerusi Pengurusan Danaharta Nasional Bhd., yang telah berusaha memulihara stadium berkenaan.

Pada Mac 2007, kerja-kerja membaik pulih stadium itu untuk mengembalikan keadaannya seperti rupa bentuk asalnya pada tahun 1957 telah dimulakan.

Selepas lima bulan kerja-kerja membaik pulih itu dijalankan, keupayaan stadium itu menampung 45,000 penonton telah dikurangkan kepada 20,000 - seperti keadaan asalnya semasa ia dibina.

Untuk tujuan itu, blok teres tingkat atas yang dibina sejak beberapa tahun lepas telah dirobohkan.

"Kerusi yang digunakan juga telah dikembalikan kepada keadaan asal.

Kerusi-kerusi plastik telah di-

buang dan digantikan dengan kerusi kayu," kata Loh.

Katanya kerja-kerja pemuliharaan itu juga melibatkan kerja-kerja merobohkan bumbung grand stand stadium itu, yang telah ditukarkan kembali kepada rupa asalnya.

"Sekarang anda boleh lihat

bagaimana besarnya tempat ini. Tiada lagi dinding dan tembok pembahagi. Udara juga dapat mengalir secara semula jadi, anda dapat merasakannya bukan?" katanya kepada penulis yang dibawa melawat pentas utama yang telah ditukar rupa bentuknya itu.

"Kalau bukan kerana skrin besar dan kabel-kabel elektrik ini yang dipasang untuk acara sambutan malam ini, stadium ini dan grand stand ini sudah tentu kelihatan serupa seperti keadaannya dalam tahun 1957," katanya.